



TEKS UCAPAN

MENTERI KERJA RAYA

YB DATO' SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

**MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA
BAGI PROJEK**

**PEMBINAAN BLOK BARU JABATAN
KECEMASAN DAN TRAUMA HOSPITAL KUALA
KANGSAR, PERAK (TENDER SEMULA)**

3 OGOS 2023 (KHAMIS)

Terima kasih kepada saudara Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Datuk Ir. Ahmad Redza bin Ghulam Rasool
Ketua Pengarah Kerja Raya

Yang Berusaha Ir. Haji Badioezaman Bin Ab. Khalik
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Bangunan)

Yang Berusaha Hj. Zairi bin Md Ali
Setiausaha Bahagian Kanan, Bahagian Pembangunan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Yang Berusaha Ir. Shukri Bin Ishak
Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan, JKR

Yang Berusaha Ir. Hj. Hamdan bin Ali
Pengarah JKR Negeri Perak

Yang Berusaha, kontraktor daripada
Inspira Resources Sdn. Bhd.

Kepada semua Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Kesihatan
Malaysia, wakil HOPT, HODT,

Tuan–tuan dan Puan–puan dan Rakan Media yang dihormati sekalian

Salam Sejahtera,

1. Sukacita hari ini dapat kita sama–sama hadir di Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima kepada Kontraktor yang telah berjaya bagi Projek Pembinaan Blok Baru Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Kuala Kangsar.
2. Projek Pembinaan Blok Baru Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Kuala Kangsar, Perak ini adalah bertujuan bagi mengurangkan kesesakan di Jabatan Kecemasan sedia ada yang akan memberi manfaat dan kemudahan khususnya rakyat di Daerah Kuala Kangsar dan Perak amnya.
3. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan tahniah kepada Penender yang berjaya iaitu Inspira Resources Sdn. Bhd. untuk melaksanakan projek tersebut. Sesungguhnya, penerimaan SST ini merupakan satu amanah bagi kontraktor. Ia boleh dianggap sebagai satu peringatan akan tanggungjawab yang bakal dilaksanakan oleh kontraktor, iaitu merealisasikan apa yang disyaratkan oleh Kerajaan di dalam tender kepada bentuk fizikal, memenuhi Syarat Kontrak, serta memberikan kepuasan kepada penerima fasiliti ini nanti.

4. Namun begitu, Kementerian Kerja Raya tetap menghargai peranan kontraktor sebagai Rakan Kongsi Kerajaan dalam industri pembinaan negara, untuk sama-sama membangunkan negara tercinta melalui penghasilan projek yang berkualiti serta mencapai hasrat kerajaan yang telah mengeluarkan peruntukan dan hasrat pengguna yang akan menggunakan fasiliti tersebut.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Adalah menjadi harapan saya agar kontraktor yang menerima SST pada hari ini dapat menyediakan Program Kerja yang benar-benar efektif dan diikuti sepenuhnya sepanjang proses merancang dan melaksanakan kerja-kerja pembinaan kelak.

6. Sistem pengurusan projek yang cekap dan terperinci juga diperlukan agar setiap proses kerja, penggunaan bahan, tenaga kerja, jentera dan aliran tunai diambilkira dari awal lagi dan supaya projek berjalan dengan teratur dan lancar setelah menerima SST.

7. Ini termasuk pengurusan keselamatan dan kesihatan di tapak bina, meningkatkan mutu kerja pembinaan, mengurangkan berlakunya kecacatan (*defect*) serta risiko kemalangan di tapak bina. Saya menjangkakan kontraktor telah sedia maklum mengenai perkara ini di mana seharusnya tidak akan timbul sebarang masalah dalam

memastikan kualiti dan audit pembinaan dapat dijalankan dengan menyeluruh serta efisien.

8. Diharap semua ahli pasukan projek kontraktor berazam untuk memberikan yang terbaik, sesuai dengan kepercayaan yang telah diberikan oleh kerajaan. Jangan hampakan harapan kami Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Laksanakan projek dengan penuh komitmen dan berikan fasiliti kesihatan yang terbaik kepada rakyat

YBhg. Datuk', Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati.

9. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan Malaysia di atas kepercayaan yang telah diberikan kepada Jabatan Kerja Raya Malaysia dalam melaksanakan projek-projek fasiliti kesihatan negara. Saya juga ingin memaklumkan bahawa JKR sedang melaksanakan 71 projek fasiliti kesihatan yang kini dalam fasa pembinaan bernilai RM 8.78 Billion. Sehingga 5 Julai 2023, sejumlah 45 projek bernilai RM 2.52 Billion telah berjaya diserahkan oleh JKR kepada KKM.

Akhir kata, bersama-sama lah kita memastikan projek yang dibina ini dapat disiapkan mengikut kualiti, kos dan masa yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih. Salam Malaysia MADANI.